

28 JUN 1999

MAHATHIR-MSK

IAP AKAN SEMAK PROJEK MSC SEHINGGA KINI, KATA MAHATHIR

CYBERJAYA, 28 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) ketiga bermula 8 Julai depan akan mengkaji semula projek-projek MSC sehingga kini dan membincangkan mengenai input oleh anggota-anggotanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini.

"Kita mahu mendengar daripada mereka apa yang mereka fikir kita harus lakukan," beliau memberitahu persidangan akhbar selepas melancarkan MSC Venture Corporation Sdn Bhd (MSCVC), syarikat modal teroka pertama melabur di dalam MSC.

Dua puluh lima tokoh ulung di dalam industri Teknologi Maklumat akan menghadiri mesyuarat itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia aka mengumpul maklumat mengenai perkembangan terbaru di dalam teknologi yang mungkin mempengaruhi arah hala perkembangan multimedia.

Katanya bilangan mereka yang hadir ke mesyuarat itu akan setanding dengan bilangan anggota IAP yang menghadiri mesyuarat yang lalu.

"Daripada 25 itu, 12 adalah ketua pegawai eksekutif dan 13 pegawai kanan mewakili CEO," katanya, sambil menambah bahawa beliau berpuas ahti dengan bilangan yang akan hadir itu.

Mereka yang dijangka hadir termasuk Dr Stan Shih, pengerusi dan CEO Acer, Sir Peter Bonfield, ketua eksekutif British Telecom, Lewis Platt, pengerusi Hewlett-Packard, Bon-Moo Koo, pengerusi LG Electronics dan Ben Verwaayen, CEO Lucent Technologies.

Anggota-anggota IAP itu akan ditunjukkan kemajuan terbaru MSC seperti universiti multimedia yang akan dibangunkan dan berfungsi dan projek-projek sekolah bestari.

Perhatian dunia yang diperolehi daripada mesyuarat itu akan membolehkan syarikat-syarikat multimedia dan IT tempatan berhubung dengan syarikat-syarikat antarabangsa, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata syarikat-syarikat multimedia dan IT tempatan agak berjaya dengan sesetengah mengeksport produk-produk mereka ke seberang laut dan satu telah disenaraikan di Mesdaq.

Mengenai pembangunan MSC, katanya adalah berjalan dengan amat baik dalam bidang-bidang tertentu.

Misalnya, katanya MSC telah menarik 32 syarikat berkelas dunia, daripada 50 itu adalah dijangka akan ditarik menjelang tahun 2003.

-- BERNAMA

AD SHY OS